



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI WAKAF MENGGUNAKAN
SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DI KUALA LUMPUR**

NURUL AZRA BINTI AB. MALIK

FEM 2013 8



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERILMU BERBAKTI

**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI
WAKAF MENGGUNAKAN SISTEM MAKLUMAT
GEOGRAFI (*GIS*) DI KUALA LUMPUR**

NURUL AZRA BINTI AB. MALIK

**MASTER SAINS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

2013



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
SERILMU BERBAKTI

**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI WAKAF MENGGUNAKAN
SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DI KUALA LUMPUR**

Oleh

NURUL AZRA BINTI AB. MALIK

**Tesis Yang Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Februari 2013

DEDIKASI

Penghargaan tidak terhingga dan teristimewa
Buat Abah dan Mama
Serta keluarga dan insan yang setia menemani...
Pengorbanan, sokongan dan dorongan
kalian begitu bermakna...
Amat dihargai dan tidak akan dilupakan sehingga akhir hayat.

Buat Ahli Jawatankuasa Penyeliaan
yang dihormati,
Terima kasih diatas segala tunjuk ajar, bimbingan
dan nasihat yang telah ditaburkan...
InsyaAllah akan diingati dan diaplikasikan dalam pengajian seterusnya
Jika diizinkan oleh-Nya.

Terakhir,
Buat rakan-rakan seperjuangan
Terima kasih jua kerana banyak membantu
Semoga kalian terus berjaya pada masa depan
Duniawi jua akhrawi
Dan kenanglah persahabatan ini selamanya...

“Percayalah bahawa berfikir sejenak merenung masa lalu adalah permulaan yang baik
untuk melangkah ke hadapan...”

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN INSTITUSI WAKAF
MENGUNAKAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) DI
KUALA LUMPUR**

Oleh

NURUL AZRA BINTI AB. MALIK

Februari 2013

Pengerusi: Amaludin Ab. Rahman, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Institusi kewangan dalam Islam khususnya institusi wakaf merupakan salah satu institusi kewangan yang telah lama mendapat tempat dan menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk di Malaysia. Namun, kelebihan institusi wakaf sebagai salah satu sumber pembiayaan pembangunan masyarakat seperti tidak menonjol ekoran pengurusan yang stereotaip dan tidak moden sehingga memberi impak negatif kepada kepentingan institusi wakaf tersebut. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk; i) mengenal pasti ciri-ciri harta wakaf semasa, ii) memetakan kedudukan (*positioning*) harta wakaf menggunakan perisian Sistem Maklumat Geografi (*GIS*), iii) menganalisa pengurusan semasa harta wakaf, dan iv) menjelaskan potensi serta keperluan pembangunan harta wakaf dalam konteks pembangunan masyarakat yang menyeluruh. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah kajian kes dan data dikumpulkan secara pendekatan kualitatif. Teknik temubual dilakukan bersama tiga orang informan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) selaku

pemegang amanah dan pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang bertanggungjawab bagi mendapatkan data primer. Manakala, bagi data sekunder diperoleh daripada teknik analisis kandungan yang telah dilakukan ke atas rekod dan dokumen wakaf serta diikuti kaedah pemerhatian di lokasi-lokasi harta wakaf. Dapatan kajian mendapati terdapat 30 harta wakaf yang berkeluasan 7.666 ekar (bersamaan 334 540.8 kaki persegi) mendaftar di bawah MAIWP sehingga bulan Disember 2010 dan harta wakaf tersebut terdiri daripada 17 lot tanah wakaf am dan 13 lot tanah wakaf khas. Manakala hasil pemetaan kedudukan (*positioning*) 30 harta wakaf yang dipecahkan kepada dalam lima mukim iaitu mukim Kuala Lumpur, mukim Bandar Kuala Lumpur, mukim Batu, mukim Ampang dan mukim Setapak menunjukkan jumlah keluasan harta wakaf paling tinggi berada dalam mukim Kuala Lumpur (3.464 ekar). Seterusnya, analisa turut mendapati harta wakaf di Kuala Lumpur terdiri daripada masjid, surau/madrasah, bangunan (lot kedai), rumah sewa dan juga tanah kosong. Selain itu, dapatan juga menunjukkan harta wakaf yang diuruskan oleh MAIWP menghadapi beberapa masalah dalam pengurusan harta tersebut seperti sistem maklumat berkomputer yang kurang selamat, kekurangan kakitangan yang berpengalaman, kewangan yang terhad dan halangan perundangan. Masalah-masalah ini telah memberi implikasi negatif kepada usaha pembangunan yang menyeluruh sekaligus telah menyebabkan beberapa tanah wakaf yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan tidak dapat dilaksanakan. Namun, didapati juga harta wakaf yang sedia dibangunkan masih dalam keadaan baik dan berupaya memberi sumbangan dalam pembangunan masyarakat khususnya dari aspek keperluan sosioekonomi walaupun harta tersebut dilihat tidak menjana pendapatan secara konsisten. Kesimpulannya, elemen teknologi telah diterima dan diaplikasikan dalam pengurusan institusi wakaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, pihak MAIN masih perlu berusaha

meningkatkan tahap profesionalisme mereka terutama dalam menyediakan satu sistem pengurusan yang berkesan dan bermaklumat menerusi pemodenan pengurusan agar kesedaran dan penyertaan masyarakat awam dalam kegiatan berwakaf dapat ditingkatkan. Hal ini bertujuan membentuk keyakinan yang utuh dalam kalangan umat Islam terhadap institusi wakaf selaku salah satu institusi kewangan yang penting dalam memangkin pembangunan masyarakat yang menyeluruh terutama dalam aspek ekonomi, sosial, pendidikan dan kesihatan. Kejayaan pembangunan masyarakat sekaligus memberi impak positif ke arah pembinaan peradaban Malaysia yang disegani pada masa akan datang.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**WAQF INSTITUTION MANAGEMENT AND DEVELOPMENT USING
GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS) IN KUALA LUMPUR**

By

NURUL AZRA BINTI AB. MALIK

February 2013

Chair: Amaludin Ab. Rahman, PhD

Faculty: Human Ecology

The Islamic financial institution such as waqf institution is known as one of the oldest financial institution that had built its ground among the Muslim society all over the world including Malaysia. However, the underlying advantage of the waqf institution as a source of societal development funding did not fully realized due to the stereotype style and outdated way of management, causing negative impact towards the waqf institution's interest. Therefore, this research is aimed to i) identify features of current waqf resource, ii) Position mapping and identifying waqf resource using Geographical Information System (*GIS*), iii) analyze procedures of current waqf resource management and iv) discover potential and the needs of waqf resource development.

The design of this research was a case study, which was approached qualitatively. The data was collected based on in-depth interviews with three informants from Federal Territorial Islamic Council (MAIWP) who act as trustee and was representative as an Islamic Religious Council of State (MAIN). The secondary data was based on content analysis done upon the records and documents of waqf, followed by series of visits to

the waqf property locations. As result, this research discovered 30 lots of waqf lands with size of 7.666 acres (simultaneously 334 540.8 square feet) listed under MAIWP until December 2010. This particular waqf lands are comprised from 17 lots of general waqf land and 13 lots of specific waqf land. The positioning mapping shows that the waqf lands are scattered all over Kuala Lumpur in five main districts. The division of districts is as followed: Kuala Lumpur district, Bandar Kuala Lumpur district, Batu district, Ampang district and Setapak district, with the highest MAIWP Wakaf lands located are in Setapak district. The analysis also shows that the waqf properties in Kuala Lumpur is in a form of mosque, madrasah/surau, building (shop lot), rent house and idle land. Other than that, the research found that the waqf land, which been managed by MAIWP are actually facing weaknesses in their management such as unsafe computerize information database, lack of skill staffs, heavy workload to existing staffs, lack of capital and restricted jurisdiction. This entire problem has given negative implication towards a comprehensive development initiative which also causes several highly potential waqf lands cannot be develop. It's also discovered that the developed waqf land is still in a good condition with ability to contribute in term of societal development specifically in their socioeconomic, although it cannot helps to generate income aggressively. As conclusion, a touch of modernization wave has reached the style of waqf institution management in Kuala Lumpur. However, MAIN need to step up ahead to improve their professionalism especially in operating effectively with a new style of resource management. The changes can, in one hand, helps attaining involvement and awareness among the society in waqf activity. Hopefully, the confidence level towards waqf institution among the Muslim Ummah could be increased by adopting changes, hence able to become one of important and comprehensive financial institution for societal development especially in aspect of

economy, social, education and health. Successful development in society will creates positive impact as well as lifting the image of Malaysia towards a creation of future respected Malaysia civilization.



PENGHARGAAN

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang*

Alhamdulillah, segala syukur dan puji dipanjatkan kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan pemberian kekuatan, kesihatan, ketabahan dan kesabaran yang tinggi maka dapat saya siapkan penulisan tesis ini dengan baik dalam masa yang ditetapkan dan insyaAllah, dapat menamatkan pengajian peringkat Sarjana ini dengan jayanya.

Pertama sekali, sepenuh penghargaan buat Abah, Ab. Malik Che Harun dan Mama, Wan Siti Rosma Wan Abdullah kerana merestui tekad saya untuk menyambung pengajian di peringkat Sarjana. Sesungguhnya, dengan iringan doa dan dorongan daripada mereka serta keluarga akhirnya saya dapat bertahan sehingga ke titik terakhir pengajian Sarjana ini.

Sekalung ucapan penghargaan ditujukan khas buat Penyelia pengajian yang saya kagumi, Dr. Amaludin Ab. Rahman di atas kepercayaan dan kesudian beliau memberi peluang dan ruang kepada saya menggunakan geran FRGS-KPT serta kemudahan lain dalam saya menyiapkan kajian sepanjang pengajian. Sesungguhnya, peluang tersebut begitu bermakna dan telah banyak membantu meringankan kos perbelanjaan sepanjang pengajian saya. Tidak dilupakan, kata-kata semangat, dorongan dan juga komen membina yang selalu diberikan dan insyaAllah, akan dikenang sehingga akhir hayat.

Seterusnya, ucapan penghargaan juga diucapkan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang dihormati, Prof. Madya Dr. Asnarulkhadi Abu Samah dan Dr. Alias Mohd Sood di

atas segala tunjuk ajar, bimbingan dan perkongsian ilmiah kepada saya sepanjang pengajian. Hanya Allah Yang Maha Pengasih dan Penyayang sahaja mampu membalas segala kebaikan tersebut. Semoga penyelia sekalian dipanjangkan umur serta dikurniakan kesihatan yang baik untuk terus berkhidmat dan mendidik anak bangsa dengan cemerlang, gemilang dan terbilang.

Akhir sekali, penghargaan setulus ikhlas buat Shah Rul Niza Mohamad yang tidak jemu memberi semangat ketika susah dan senang serta rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa menyokong dan menyumbangkan pandangan. Juga penghargaan tidak terhingga buat semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung sepanjang penyelidikan dan penulisan tesis ini. Segala kerjasama yang dihulurkan diucapkan jutaan terima kasih.

Semoga penyelidikan yang telah dijalankan dapat memberi manfaat dan input yang bernilai kepada kita semua dalam usaha mencapai *hasanah fil-dunia* dan *hasanah fil-akhirat* yang diimpikan oleh setiap umat Islam dengan izin-Nya, insyaAllah.

Terima kasih.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 22 Februari 2013 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nurul Azra Binti Ab. Malik bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Pengurusan dan Pembangunan Institusi Wakaf Menggunakan Sistem Maklumat Geografi (*GIS*) di Kuala Lumpur” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1988. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Norbaya Ahmad, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Daud Awang, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohamad Fazli Sabri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, PhD

Profesor Madya
Jabatan Dakwah dan Kepimpinan
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)

NORITAH OMAR, PhD

Profesor Madya dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 23 Mei 2013

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

Amaludin Ab. Rahman, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Asnarulkhadi Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Alias Mohd Sood, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Perhutanan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia


Tarikh:

PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

NURUL AZRA BINTI AB. MALIK

Tarikh: 22 Februari 2013



JADUAL KANDUNGAN

	Muka Surat
DEDIKASI	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	vi
KELULUSAN	viii
PERAKUAN	x
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	7
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Persoalan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	17
1.5.1 Objektif Am	17
1.5.2 Objektif Khusus	18
1.6 Kepentingan Kajian	18
1.7 Definisi Istilah	20
1.7.1 Pengurusan Harta Wakaf	20
1.7.2 Pembangunan	22
1.7.3 Institusi Wakaf	23
1.7.4 Sistem Maklumat Geografi (<i>GIS</i>)	24
1.8 Kerangka Teoritikal	25
1.9 Kerangka Konseptual	29
1.10 Skop dan Batasan Kajian	32
1.11 Kesimpulan	34
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	36
2.2 Sejarah Wakaf	37
2.3 Perundangan Wakaf	40
2.4 Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf	48
2.4.1 Pengurusan Maklumat	49
2.4.2 Pengurusan Sumber Kewangan	50
2.4.3 Pengurusan Tenaga Kerja/Kakitangan	52
2.4.4 Strategi Pengurusan Pembangunan	54

2.4.5	Pengalaman dan Amalan Pengurusan Harta Wakaf di Beberapa Negara Islam	56
2.5	Perkembangan Institusi Wakaf dan Ketamadunan	62
2.6	Institusi Wakaf dan Pembangunan Masyarakat (Ummah) di Malaysia	65
2.6.1	Ekonomi	66
2.6.2	Sosial	68
2.6.3	Pendidikan	70
2.6.4	Kesihatan (Perubatan)	72
2.7	Pengurusan Institusi Wakaf dan Aplikasi Teknologi	75
2.8	Kesimpulan	78
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	80
3.2	Lokasi Kajian	80
3.3	Persampelan dan Responden	84
3.4	Reka Bentuk Penyelidikan	85
3.5	Tatacara Kajian dan Pengumpulan Data	87
3.5.1	Analisis Kandungan	88
3.5.2	Temu bual	88
3.5.3	Pemerhatian (Kajian Lapangan)	90
3.6	Penganalisan Data	91
3.6.1	Kesahan dan Kebolehpercayaan Data Temu bual	96
3.6.2	Kesahan dan Kebolehpercayaan Pemerhatian	97
3.7	Kesimpulan	97
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	99
4.2	Ciri-ciri Harta Wakaf di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	101
4.3	Kedudukan (<i>Positioning</i>) Dan Penjenisan Harta Wakaf Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Menggunakan Teknologi Sistem Maklumat Geografi (GIS)	104
4.4	Pengurusan Semasa Harta Wakaf Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.	111
4.4.1	Pengurusan Maklumat	113
4.4.2	Pengurusan Sumber Kewangan	115
4.4.3	Pengurusan Tenaga Kerja/Kakitangan	117
4.4.4	Halangan Perundangan	119
4.5	Potensi dan Keperluan Pembangunan Harta Wakaf Dalam Pembangunan Masyarakat Di Wilayah Persekutuan	

	Kuala Lumpur	120
4.6	Kesimpulan	127
5 RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	130
5.2	Rumusan Kajian	130
5.3	Implikasi Kajian	133
5.4	Cadangan	135
	5.4.1 Penyelidikan Akan Datang	135
	5.4.2 Agensi Yang Berkaitan	136
5.5	Kesimpulan	138
RUJUKAN		140
LAMPIRAN		
1	Garis Panduan Temu bual Bersama Informan	149
2	Transkrip Temu bual	151
3	Surat Mohon Kebenaran Kajian	164
4	Carta Organisasi MAIWP	166
5	Manual Kerja Wakaf MAIWP	167
6	Gambar-gambar Harta Wakaf MAIWP	170
BIODATA PELAJAR		173
SENARAI PENULISAN/PENERBITAN		174